# TERKINI : YKN Bantu Gelandangan Cari Pekerjaan – Dr. Wan Azizah

By **Adib Ramli** - 15 April 2019

PUTRAJAYA – Sebanyak 73 peratus daripada 7,047 orang gelandangan yang menginap di Anjung Singgah telah berjaya dibantu mendapatkan pekerjaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, sehingga Januari tahun ini, seramai 62,551 golongan sasar telah mendapat manfaat daripada penubuhan Anjung Kasih di seluruh negara.

"Kehadiran pelbagai syarikat korporat, GLC, institut pengajian tinggi, agensi kerajaan, institusi kewangan dan NGO pada hari ini membuktikan keprihatinan kita terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka yang kurang berkemampuan.

"Saya menyeru kepada semua pihak khususnya syarikat korporat, NGP dan lain-lain yang berkemampuan untuk menyumbang kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi melaksanakan program-program khusus untuk golongan yang memerlukan," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Tajaan dan Tandatangan Memorandum di sini hari ini.